

# KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

## JABATAN PENERBANGAN AWAM

### KENYATAAN TENDER

**NO. TENDER: MOT/TB/01/2015**

**TENDER UNTUK DESIGN, SUPPLY, INSTALL, TEST AND COMMISSION OF COMMUNICATION, NAVIGATION, SURVEILLANCE / AIR TRAFFIC MANAGEMENT (CNS / ATM) SYSTEMS BAGI PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA FLIGHT INFORMATION REGION KUALA LUMPUR BARU (KL ATCC BARU DI KL INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA))**

#### 1. Butiran Projek

Tender ini adalah untuk kerja-kerja yang melibatkan **Merekabentuk, Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Sistem Komunikasi, Navigasi, Pengawasan / Pengurusan Trafik Udara (CNS / ATM)** bagi Pusat Kawalan Trafik Udara *Flight Information Region Kuala Lumpur Baru (KL ATCC Baru)* di *KL International Airport (KLIA)*. Objektif Projek ini adalah untuk memindahkan Operasi Kawalan Trafik Udara dari Kompleks KL ATCC sedia ada di Subang ke KL ATCC baru di KLIA.

Kerja-kerja yang terlibat di dalam Projek ini adalah seperti berikut, namun tidak terhad kepada:

- Pemasangan Sistem CNS / ATM baru;
- Penggantian, migrasi dan pemindahan sistem komunikasi dan pengawasan yang berkaitan;
- Merekabentuk, Membina, Menguji dan Mentauliah Kompleks KL ATCC baru;
- Integrasi antara sistem; dan
- Integrasi antara KL ATCC yang baru dengan kemudahan Pengurusan Trafik Udara (*Air Traffic Management - ATM*) lain.

Projek ini dijangka bermula pada bulan Ogos 2015 dan perlu disiapkan sepenuhnya dalam tempoh 38 bulan.

Kerajaan Malaysia dengan ini mempelawa Syarikat Tempatan yang berkelayakan untuk membida Tender ini.

#### 2. Jenis Tender

Tender ini adalah Tender Terbuka Tempatan. Kerajaan menjemput semua Syarikat Tempatan yang memenuhi kriteria yang disenaraikan di bawah untuk membida tender ini:

- Syarikat tempatan Malaysia yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan pegangan ekuiti tempatan melebihi 50% dan mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah semua kod bidang berikut: 210102, 210103, 210105 dan 220501. Semua pendaftaran kod bidang perlu sah untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari Tarikh Tutup Tender.
- Berpengalaman di dalam menjalankan kerja-kerja berkaitan sistem *communication* atau *navigation* atau *surveillance* atau *Air Traffic Management (ATM) Systems*.

Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di atas tidak akan melayakkan Petender dari membida Tender ini.

#### 3. Sesi Taklimat Tender

- Kehadiran ke sesi Taklimat Tender adalah diwajibkan.**
- Setiap Petender diwajibkan menghantar maksimum empat (4) orang wakil sahaja.
- Petender yang hadir lewat selepas waktu kaunter pendaftaran ditutup tidak dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan tidak melayakkan Petender menyertai tender ini.
- Petender dikehendaki membawa Cop Rasmi Syarikat semasa menghadiri Taklimat Tender.
- Taklimat tender akan diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH	MASA	TEMPAT	CATANAN
25/3/2015 (Rabu)	10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Dewan Theatrette, Aras Bawah, Blok A, Pusat Kawalan Trafik Udara, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47200 Subang, Selangor.	Pendaftaran bermula dari 9.00 pagi hingga 9.45 pagi.

#### 4. Lawatan Tapak

- Kehadiran ke setiap sesi Lawatan Tapak adalah diwajibkan.**
- Setiap Petender diwajibkan menghantar maksimum empat (4) orang wakil sahaja.
- Petender yang hadir lewat selepas waktu kaunter pendaftaran ditutup tidak dibenarkan menghadiri sesi lawatan tapak dan tidak melayakkan Petender menyertai tender ini.
- Semua kos berkaitan lawatan tapak adalah di bawah tanggungan Petender.
- Lawatan tapak yang akan diadakan adalah seperti butiran berikut:

BIL.	LAWATAN TAPAK	TARIKH	MASA	PENDAFTARAN
i	Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara (KL ATCC), Subang, Selangor	25/3/2015 (Rabu)	3.30 petang hingga 5.00 petang	Kaunter pendaftaran dibuka dari <b>jam 2.30 petang hingga 3.15 petang</b> di Aras Bawah, Blok B, Pusat Kawalan Trafik Udara, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor.
ii	KL International Airport • Tower West • Tower East • Tapak DVOR	26/3/2015 (Khamis)	10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Kaunter pendaftaran dibuka dari <b>jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi</b> di Aras Bawah, Tower West, KLIA2, KLIA.
	• Stesen Terminal Approach Radar (TAR) • Tapak Kompleks ATCC Baru • Stesen Transportable Radar (TRAD)		3.00 petang hingga 5.30 petang	Kaunter pendaftaran dibuka dari <b>jam 2.00 petang hingga 2.45 petang</b> di Stesen Terminal Approach Radar (TAR), KLIA.
iii	Stesen Radar Genting, Genting Highland, Pahang	27/3/2015 (Jumaat)	10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari	Kaunter pendaftaran dibuka dari <b>jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi</b> di Stesen Radar Genting, Genting Highland, Pahang.
iv	Stesen Radar Langkawi, Pulau Langkawi, Kedah	30/3/2015 (Isnin)	10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Kaunter pendaftaran dibuka dari <b>jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi</b> di Aras Bawah, Pejabat DCA Langkawi, Pulau Langkawi, Kedah.
v	Tapak Stesen Radar Mersing, Johor	31/3/2015 (Selasa)	3.00 petang hingga 5.00 petang	Kaunter pendaftaran dibuka dari <b>jam 2.00 petang hingga 2.45 petang</b> di Hotel Sri Malaysia, Mersing, Johor.

#### 5. Jualan Dokumen Tender

- Dokumen tender akan dijual semasa waktu bekerja bermula dari **1 April 2015 hingga 14 April 2015** di **Jabatan Penerbangan Awam, Bahagian Khidmat Pengurusan, No. 27, Persiaran Perdana, Tingkat 3, Blok Podium B, Lot 4G4, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62618 Putrajaya**. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Syarikat yang menunjukkan Sijil Asal Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Kewangan berserta satu salinan sijil tersebut.
- Hanya Petender yang telah hadir sesi taklimat tender dan setiap sesi lawatan tapak yang disenaraikan di atas sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen tender.**
- Dokumen tender dijual pada harga **RMS,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja)** dan pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Draft dari bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang (*money order*) atau kiriman wang pos berpaling (*postal order*) dan dibayar atas nama :  
**AKAUNTAN KERAJAAN MALAYSIA, KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

#### 6. Tarikh Tutup Tender

- Tender ini akan ditutup pada **1 Jun 2015, jam 12.00 tengah hari**.
- Maklumat lanjut berkaitan tender ini akan dijelaskan semasa Taklimat Tender.
- Semua dokumen tender yang diterima selepas daripada masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan dan tidak akan dinilai.**

#### 7. Pertanyaan

- Sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan tawaran tender ini boleh diajukan kepada :

##### i. Teknikal / Taklimat Tender / Lawatan Tapak

En. Ahmad Nizar bin Zolfakar / En. Zulkefli bin Harun  
Tel : +6 03-8871 4227 / +6 03-8871 4225  
Emel : ahmad\_nizar@dca.gov.my / zulkefliharun@dca.gov.my

##### ii. Pertanyaan Umum

En. Mohd Fadhlil bin Abd Hadi  
Tel : +6 03-8871 4008  
Emel : fadhlihadid@dca.gov.my

Iklan ini turut boleh dicapai dengan melayari [www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my) dan [www.dca.gov.my](http://www.dca.gov.my)